

PM adakan lawatan rasmi dua hari ke Brunei

BH- 24/1/2023 w/d: 5

Bandar Seri Begawan: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Brunei bermula hari ini.

Ia adalah lawatan rasmi kedua Perdana Menteri ke luar negara selepas Indonesia, sejak mengangkat sumpah jawatan pada 24 November tahun lalu.

Anwar dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, tiba

di Lapangan Terbang Brunei pada jam 3.25 petang ini, disusuli menghadiri majlis makan makan bersama diaspora Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Jalan Kebangsaan di sini.

Esok, Perdana Menteri dijadual menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman.

Perkukuh hubungan

Pertemuan empat mata antara Anwar dan Sultan Hassanal Bolkiah semestinya digunakan untuk menilai kemajuan kerjasama sedia ada dan mengukuhkan hubungan dua negara berjiran ke tahap yang terus mendatangkan pelbagai manfaat bagi kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin turut di-

jadual menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman di antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), disusuli Majlis Santapan Rasmi yang dihoskan Sultan Brunei.

Delegasi Perdana Menteri turut dianggotai Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari

Openg; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor; Menteri Luar, Menteri Luar, ; Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei, Datuk Raja Reza Raja Zaib Shah.

Anwar dan isteri dijangka akan berangkat pulang ke tanah air pada petang hari yang sama.